

Bil. S 34

**AKTA MAHKAMAH-MAHKAMAH SYARIAH
(PENGAL 184)**

ATURAN-ATURAN MAHKAMAH-MAHKAMAH SYARIAH (PEGUAM SYAR'IE), 2002

SUSUNAN ATURAN-ATURAN

Aturan

BAHAGIAN I

PERMULAAN

1. Gelaran dan permulaan kuatkuasa.
2. Tafsiran.

BAHAGIAN II

PENUBUHAN JAWATANKUASA PEGUAM SYAR'IE

3. Penubuhan Jawatankuasa.
4. Keanggotaan Jawatankuasa.
5. Penamatan perlantikan dan perletakan jawatan.
6. Mesyuarat Jawatankuasa.
7. Fungsi-fungsi Jawatankuasa.
8. Saraan dan elaun.

BAHAGIAN III

PEGUAM SYAR'IE

9. Penerimaan masuk Peguam Syar'ie.
10. Kelayakan Peguam Syar'ie.
11. Permohonan.
12. Bantahan.

13. Keputusan.
14. Pengeluaran Sijil Peguam Syar'ie dan Sijil Amalan Tahunan.
15. Daftar Peguam Syar'ie.
16. Hak-hak seseorang Peguam Syar'ie.

BAHAGIAN IV

TATATERTIB

17. Semua Peguam Syar'ie di bawah kawalan Jawatankuasa.
18. Aduan terhadap seseorang Peguam Syar'ie.
19. Perintah tunjuk sebab.
20. Kuasa Jawatankuasa untuk membuat perintah.
21. Laporan kepada Ketua Hakim Syar'ie.
22. Rayuan terhadap perintah Jawatankuasa kepada Ketua Hakim Syar'ie.
23. Penyampaian keputusan.
24. Peguam Syar'ie boleh diwakili.
25. Perintah Jawatankuasa hendaklah mengandungi pernyataan tentang dapatannya dan sebagainya.
26. Peguam Syar'ie boleh memohon supaya namanya dikeluarkan daripada Daftar.
27. Jawatankuasa boleh memasukkan semula seseorang Peguam Syar'ie.

BAHAGIAN V

PERUNTUKAN-PERUNTUKAN AM

28. Pengemukaan Sijil Peguam Syar'ie dan Sijil Amalan Tahunan.
29. Sijil Amalan Tahunan.
30. Permohonan bagi mendapatkan Sijil Amalan Tahunan.
31. Sekatan.

32. Penerimaan masuk khas.

33. Kekecualian khas.

JADUAL PERTAMA — BAYARAN-BAYARAN

JADUAL KEDUA — BORANG-BORANG

**AKTA MAHKAMAH-MAHKAMAH SYARIAH
(PENGAL 184)**

**ATURAN-ATURAN MAHKAMAH-MAHKAMAH SYARIAH
(PEGUAM SYAR'IE), 2002**

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh bab 28 Akta Mahkamah-Mahkamah Syariah Ketua Hakim Syar'ie, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan ini membuat Aturan-Aturan yang berikut —

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Gelaran dan permulaan kuatkuasa.

1. Aturan-Aturan ini boleh digelar sebagai Aturan-Aturan Mahkamah-Mahkamah Syariah (Peguam Syar'ie), 2002 dan hendaklah mula berjalan kuatkuasanya pada tarikh yang sama sebagaimana Akta Mahkamah-Mahkamah Syariah.

Tafsiran.

2. Dalam Aturan-Aturan ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain —

"Daftar" bermakna Daftar Peguam Syar'ie yang disebut dalam aturan 15;

"Jawatankuasa" bermakna Jawatankuasa Peguam Syar'ie yang ditubuhkan di bawah aturan 3;

"peguambela dan peguamcara" mempunyai makna yang sama sebagaimana dalam Akta Ikhtisas Peguam (Pengal 132);

"Pengerusi" bermakna Pengerusi Jawatankuasa Peguam Syar'ie;

"peperiksaan Sijil Peguam Syar'ie" bermakna peperiksaan yang dijalankan oleh Jawatankuasa di bawah aturan 7.

BAHAGIAN II

PENUBUHAN JAWATANKUASA PEGUAM SYAR'IE

Penubuhan Jawatankuasa.

3. Bagi membantu Ketua Hakim Syar'ie, hendaklah ditubuhkan suatu jawatankuasa yang dipanggil Jawatankuasa Peguam Syar'ie yang akan menguruskan perkara berhubungan dengan Peguam Syar'ie.

Keanggotaan Jawatankuasa.

4. (1) Jawatankuasa hendaklah terdiri daripada —

(a) seorang Hakim Mahkamah Rayuan Syariah yang paling kanan, bukan Ketua Hakim Syar'ie, hendaklah menjadi Pengerusi;

(b) Peguam Negara atau wakilnya;

(c) Ketua Pendakwa Syar'ie;

(d) tiga orang lain yang dilantik oleh Majlis dan salah seorang daripada mereka hendaklah ahli Majlis; dan

(e) Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah yang juga Setiausaha.

(2) Anggota-anggota Jawatankuasa yang dilantik di bawah aturan kecil (1)(d) hendaklah memegang jawatan selama tempoh 3 tahun dan layak dilantik semula.

Penamatan perlantikan dan perletakan jawatan.

5. (1) Perlantikan anggota-anggota Jawatankuasa di bawah aturan 4(1)(d) boleh pada bila-bila masa ditamatkan oleh Majlis tanpa memberi apa-apa sebab mengenainya.

(2) Seseorang anggota Jawatankuasa yang dilantik di bawah aturan 4(1)(d) boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatan dengan memberikan suatu notis kepada Pengerusi.

(3) Perletakan jawatan di bawah aturan kecil (2) hanya akan berkuatkuasa setelah mendapat persetujuan Majlis.

Mesyuarat Jawatankuasa.

6. (1) Pengerusi hendaklah mempengerusikan mana-mana mesyuarat Jawatankuasa dan jika Pengerusi tidak hadir, maka anggota-anggota yang hadir

bolehlah memilih seorang daripada mereka untuk mempengerusikan mesyuarat itu.

(2) Empat orang anggota yang hadir termasuk Pengerusi, adalah membentuk korum sesuatu mesyuarat.

(3) Keputusan mesyuarat Jawatankuasa hendaklah dibuat secara *syura*.

(4) Tertakluk kepada Aturan-Aturan ini dan apa-apa arahan Majlis, Jawatankuasa boleh menentukan prosedurnya sendiri.

Fungsi-fungsi Jawatankuasa.

7. Jawatankuasa hendaklah mempunyai fungsi-fungsi yang berikut —

(a) untuk menjalankan peperiksaan Sijil Peguam Syar'ie dan semua perkara lain yang perlu bagi atau bersampingan dengan peperiksaan itu, termasuklah —

(i) menyediakan dan menerbitkan sukatan pelajaran bagi peperiksaan;

(ii) menetapkan tarikh peperiksaan;

(iii) menyediakan atau menilai soalan-soalan dan memeriksa kertas-kertas peperiksaan;

(b) untuk mengeluarkan Sijil Peguam Syar'ie;

(c) untuk mengeluarkan Sijil Amalan Tahunan;

(d) untuk mengawalselia tatatertib Peguam Syar'ie;

(e) untuk membuat sokongan menjadi Peguam Syar'ie; dan

(f) untuk melaksanakan apa-apa fungsi atau tugas lain yang diarahkan oleh Majlis.

Saraan dan elaun.

8. Anggota-anggota Jawatankuasa hendaklah dibayar apa-apa saraan atau elaun sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis.

BAHAGIAN III

PEGUAM SYAR'IE

Penerimaan masuk Peguam Syar'ie.

9. Tertakluk kepada Bahagian ini, seseorang Peguam Syar'ie hendaklah diterima masuk oleh Ketua Hakim Syar'ie.

Kelayakan Peguam Syar'ie.

10. Seseorang boleh diterima masuk menjadi Peguam Syar'ie jika dia —

- (a) (i) seorang Islam dan telah lulus peperiksaan akhir yang membawa kepada ijazah sarjana muda Syariah dari mana-mana universiti atau mana-mana institusi pengajian Islam yang diiktiraf oleh Kerajaan Negara Brunei Darussalam;
- (ii) seorang Islam yang menjadi peguambela atau peguamcara yang didaftarkan di bawah Akta Ikhtisas Peguam (Penggag 132) yang telah lulus peperiksaan Sijil Peguam Syar'ie;
- (iii) telah berkhidmat sebagai Hakim Syar'ie, Kadi atau Pendakwa Syar'ie selama tempoh tidak kurang daripada 3 tahun; atau
- (iv) seorang Islam yang telah mendapat latihan profesional di dalam bidang kehakiman Islam yang diiktiraf oleh Kerajaan Negara Brunei Darussalam atau berkemahiran dalam *Hukum Syara'*;
- (b) telah mencapai umur 21 tahun;
- (c) berkelakuan baik dan —
 - (i) tidak pernah disabitkan kesalahan di Negara Brunei Darussalam atau di mana-mana tempat lain atas apa-apa kesalahan jertayah yang menyebabkan dia tidak layak menjadi Peguam Syar'ie;
 - (ii) tidak pernah dihukum menjadi seorang bankrap; dan
 - (iii) tidak pernah dihalang, dipotong atau digantung dalam kedudukannya sebagai seorang pengamal undang-undang dengan apa jua nama yang digelar dalam mana-mana negara lain.

Permohonan.

11. (1) Mana-mana orang yang berkelayakan menurut aturan 10 yang berhasrat untuk diterima masuk sebagai Peguam Syar'ie hendaklah membuat permohonan dengan menggunakan Borang A yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

(2) Tiap-tiap permohonan hendaklah dialamatkan kepada Pengerusi dengan melampirkan salinan dokumen-dokumen yang perlu dan hendaklah disertakan dengan bayaran yang disebutkan dalam Jadual Pertama.

(3) Pemohon hendaklah menyebabkan ditampalkan suatu salinan permohonannya di tiap-tiap mahkamah di Negara Brunei Darussalam bagi suatu tempoh selama satu bulan selepas permohonannya dihantarserahkan kepada Pengerusi.

Bantahan.

12. Apa-apa bantahan mengenai permohonan sebagai Peguam Syar'ie hendaklah dikemukakan secara bertulis kepada Pengerusi dengan alasan bagi bantahan itu dalam tempoh 30 hari dari tarikh salinan permohonannya itu ditampalkan.

Keputusan.

13. (1) Jawatankuasa hendaklah, dalam tempoh 7 hari dari tarikh sokongannya dibuat mengenai permohonan itu, menyampaikan sokongan itu kepada Ketua Hakim Syar'ie. Ketua Hakim Syar'ie, apabila bersetuju menerimanya masuk, boleh menyebabkan keputusan permohonan itu disampaikan kepada pemohon dan tiap-tiap mahkamah di Negara Brunei Darussalam.

(2) Sebelum sebarang permohonan ditolak oleh Ketua Hakim Syar'ie, pemohon hendaklah mempunyai hak untuk didengar mengenainya.

(3) Sebarang penolakan yang dibuat oleh Ketua Hakim Syar'ie di bawah aturan kecil (2) adalah muktamad.

Pengeluaran Sijil Peguam Syar'ie dan Sijil Amalan Tahunan.

14. (1) Sijil Peguam Syar'ie menurut Borang B yang dinyatakan dalam Jadual Kedua hendaklah dikeluarkan oleh Jawatankuasa kepada seseorang Peguam Syar'ie setelah bayaran pendaftaran dan sijil, yang disebutkan dalam Jadual Pertama, dibayar.

(2) Sijil Amalan Tahunan menurut Borang C yang dinyatakan dalam Jadual Kedua hendaklah dikeluarkan oleh Jawatankuasa kepada seseorang Peguam Syar'ie setelah bayaran-bayaran sijil atau bayaran pembaharuan, mengikut mana yang berkenaan, yang disebutkan dalam Jadual Pertama, dibayar.

(3) Sijil Peguam Syar'ie dan Sijil Amalan Tahunan hendaklah ditandatangani oleh Ketua Hakim Syar'ie.

Daftar Peguam Syar'ie.

15. (1) Setiausaha Jawatankuasa hendaklah menyenggara suatu Daftar Peguam Syar'ie.

(2) Daftar Peguam Syar'ie hendaklah mencatatkan —

(a) nama Peguam Syar'ie;

(b) nama yang di bawahnya dia menjalankan amalan atau nama firma;

(c) alamat posnya; dan

(d) tarikh penerimaannya.

(3) Jika terdapat apa-apa perubahan mengenai mana-mana butir Peguam Syar'ie seperti yang dinyatakan dalam ceraiian (2), maka Peguam Syar'ie itu hendaklah, dalam masa 14 hari kemudiannya, memberitahu Jawatankuasa dan perubahan itu hendaklah dicatatkan dalam Daftar.

(4) Setiausaha Jawatankuasa hendaklah, sekurang-kurangnya sekali dalam tiap-tiap tahun, menyiarkan dalam *Warta Kerajaan* nama-nama semua orang yang di dalam Daftar.

(5) Mana-mana orang boleh memeriksa Daftar dalam waktu pejabat tanpa apa-apa bayaran.

Hak-hak seseorang Peguam Syar'ie.

16. Tertakluk kepada Aturan-Aturan ini dan mana-mana undang-undang bertulis lain, tiap-tiap Peguam Syar'ie berhak hadir dan mewakili anak guamannya dalam Mahkamah-Mahkamah Syariah.

BAHAGIAN IV

TATATERTIB

Semua Peguam Syar'ie di bawah kawalan Jawatankuasa.

17. (1) Peguam Syar'ie hendaklah tertakluk kepada kawalan Jawatankuasa dan Jawatankuasa boleh memerintahkan, apabila sebab yang wajar ditunjukkan, Peguam Syar'ie itu dipotong dari Daftar, digantung daripada menjalankan amalan atau diberi amaran.

(2) Sebab yang wajar itu boleh ditunjukkan dengan bukti bahawa Peguam Syar'ie itu —

(a) telah disabitkan atas suatu kesalahan jenayah yang menjadikan dia tidak layak menjadi seorang Peguam Syar'ie;

(b) telah bersalah kerana melakukan curang pada menjalankan kewajipan profesionalnya atau kerana menipu atau kelakuan yang tidak sesuai sebagai seorang Peguam Syar'ie;

(c) telah menawarkan, memberi atau bersetuju memberi rasuah kepada mana-mana orang kerana mendapatkan pekerjaan bagi dirinya atau bagi mana-mana Peguam Syar'ie lain dalam apa-apa urusan undang-undang;

(d) telah secara langsung atau tidak langsung, mendapatkan atau cuba mendapatkan pekerjaan bagi dirinya atau bagi seseorang Peguam Syar'ie lain, melalui atau dengan arahan mana-mana orang yang kepadanya apa-apa saraan kerana mendapatkan pekerjaan itu telah diberi olehnya atau dipersetujui atau dijanjikan untuk diberikan sedemikian;

(e) telah menerima pekerjaan dalam apa-apa urusan undang-undang melalui seorang pencari pelanggan;

(f) membenarkan mana-mana kerani atau mana-mana orang lain yang tidak berkuasa mengusaha atau menjalankan urusan undang-undang atas namanya, manakala kerani atau orang lain yang tidak berkuasa itu tidak berada di bawah kawalan majikannya yang dapat memastikan supaya dia tidak bertindak tanpa pengawasan yang wajar;

(g) menjalankan, dengan sendiri atau melalui mana-mana orang lain, apa-apa perdagangan, perniagaan atau pekerjaan yang pada pendapat Jawatankuasa adalah tidak sesuai dengan kedudukannya sebagai Peguam Syar'ie;

(h) telah melanggar atau mungkir mematuhi mana-mana peruntukan Aturan-Aturan ini jika pada pendapat Jawatankuasa pelanggaran atau kemungkiran itu memerlukan tindakan tatatertib;

(i) telah membuat suatu pernyataan yang tidak benar atau mengelirukan atau telah mendiamkan mana-mana fakta yang mustahak dalam atau berhubung dengan suatu permohonan bagi Sijil Amalan Tahunan di bawah aturan 29; atau

(j) telah atau boleh dihalang, dipotong atau digantung dalam kedudukannya sebagai seorang pengamal undang-undang dengan apa jua nama yang digelarkan dalam mana-mana negara lain.

(3) Dalam apa-apa prosiding di bawah Bahagian ini, Jawatankuasa boleh, selain daripada fakta-fakta kes, mengambil kira kelakuan dan watak orang yang berkenaan itu pada masa yang lalu untuk menentukan apakah perintah yang disebut dalam aturan kecil (1) yang patut dibuat.

Aduan terhadap seseorang Peguam Syar'ie.

18. (1) Apa-apa aduan mengenai kelakuan mana-mana Peguam Syar'ie atas sifat profesionalnya hendaklah dibuat kepada Jawatankuasa.

(2) Mahkamah-Mahkamah Syariah atau Ketua Pendakwa Syar'ie boleh, pada bila-bila masa, merujuk kepada Jawatankuasa apa-apa maklumat yang menyentuh kelakuan seseorang Peguam Syar'ie atas sifat profesionalnya.

Perintah tunjuk sebab.

19. (1) Jawatankuasa hendaklah, setelah menerima aduan di bawah aturan 18, menjalankan siasatan mengenai aduan tersebut dan berhak memanggil mana-mana orang menghendaki supaya mana-mana dokumen dan sebagainya, yang berkaitan dengan aduan tersebut, untuk dikemukakan.

(2) Jawatankuasa, jika berpendapat bahawa ada sebab-sebab yang munasabah bagi Peguam Syar'ie tersebut diambil tindakan tatatertib, akan menyediakan pertuduhan terhadap Peguam Syar'ie itu untuk dikemukakan kepadanya.

(3) Peguam Syar'ie tersebut dikehendaki untuk memberi sebab-sebab secara bertulis kenapa ia tidak wajar diambil tindakan tatatertib dalam tempoh 30 hari dari tarikh ia menerima pertuduhan tersebut.

(4) Jika Jawatankuasa berpuas hati dengan sebab-sebab yang diberikan oleh Peguam Syar'ie itu, maka pertuduhan terhadapnya hendaklah diketepikan.

(5) Jika Peguam Syar'ie itu gagal untuk memberikan sebab-sebab menurut aturan kecil (3), Jawatankuasa bolehlah membuat apa-apa perintah yang difikirkannya patut menurut aturan 20.

(6) Jika Jawatankuasa tidak berpuas hati dengan sebab-sebab yang diberikannya terhadap pertuduhan itu, Peguam Syar'ie tersebut hendaklah dikehendaki hadir di hadapan Jawatankuasa untuk membela diri.

(7) Peguam Syar'ie tersebut hendaklah diberikan peluang untuk menyoal mana-mana saksi yang dipanggil dan untuk memanggil saksi-saksi bagi pihaknya.

Kuasa Jawatankuasa untuk membuat perintah.

20. Jawatankuasa hendaklah mempunyai kuasa untuk membuat apa-apa perintah yang difikirkannya patut dan munasabah, dan boleh termasuk mana-mana yang berikut —

(a) memotong daripada Daftar nama Peguam Syar'ie yang mengenainya permohonan atau aduan itu dibuat;

(b) menggantung Peguam Syar'ie itu daripada menjalankan amalan bagi suatu tempoh yang tidak melebihi 2 tahun; atau

(c) memberi amaran kepada Peguam Syar'ie itu.

Laporan kepada Ketua Hakim Syar'ie.

21. Apa-apa perintah atau keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa dalam Bahagian ini, hendaklah dilaporkan kepada Ketua Hakim Syar'ie oleh Setiausaha Jawatankuasa.

Rayuan terhadap perintah Jawatankuasa kepada Ketua Hakim Syar'ie.

22. Sesuatu rayuan terhadap mana-mana perintah yang dibuat oleh Jawatankuasa berkenaan dengan sesuatu permohonan atau aduan di bawah Aturan-Aturan ini hendaklah dibuat kepada Ketua Hakim Syar'ie sama ada atas kehendak pemohon atau Peguam Syar'ie yang terhadapnya aduan itu dibuat dalam tempoh masa satu bulan dari tarikh perintah itu, dan Ketua Hakim Syar'ie, dengan dibantu oleh dua orang penal Hakim Mahkamah Rayuan Syariah, hendaklah meneliti rayuan tersebut dan keputusannya adalah muktamad.

Penyampaian keputusan.

23. Apa-apa keputusan yang dibuat menurut aturan 22 hendaklah disampaikan oleh Setiausaha Jawatankuasa kepada Peguam Syar'ie yang berkenaan dan tiap-tiap mahkamah di Negara Brunei Darussalam.

Peguam Syar'ie boleh diwakili.

24. Peguam Syar'ie, tertakluk kepada kebenaran Jawatankuasa dan Ketua Hakim Syar'ie, boleh diwakili oleh mana-mana orang lain dalam mana-mana peringkat prosiding di dalam Bahagian ini.

Perintah Jawatankuasa hendaklah mengandungi pernyataan tentang dapatannya dan sebagainya.

25. Tiap-tiap perintah yang dibuat oleh Jawatankuasa berkenaan dengan sesuatu permohonan atau aduan yang dibuat kepadanya di bawah Aturan-Aturan ini hendaklah didahului dengan suatu pernyataan tentang dapatannya berhubung dengan fakta kes itu dan hendaklah ditandatangani oleh Pengerusi atau oleh mana-mana anggota Jawatankuasa yang lain yang diberikuasa oleh Jawatankuasa.

Peguam Syar'ie boleh memohon supaya namanya dikeluarkan daripada Daftar.

26. (1) Mana-mana Peguam Syar'ie boleh, tertakluk kepada aturan ini, memohon kepada Jawatankuasa supaya namanya dikeluarkan daripada Daftar.

(2) Tiap-tiap permohonan itu hendaklah disokong dengan suatu *ikrar* yang disaksikan oleh dua orang yang hendaklah disampaikan kepada Jawatankuasa dan Jawatankuasa hendaklah membuat keputusannya dalam tempoh masa 2 bulan dari tarikh permohonannya diterima.

(3) Jawatankuasa boleh menghendaki Peguam Syar'ie itu menyiarkan suatu notis permohonannya supaya namanya dikeluarkan daripada Daftar mengikut apa-apa cara atau bentuk yang diarahkan oleh Jawatankuasa.

Jawatankuasa boleh memasukkan semula seseorang Peguam Syar'ie.

27. (1) Jawatankuasa boleh, jika difikirkan patut dan munasabah, pada bila-bila masa memasukkan semula dalam Daftar nama seseorang Peguam Syar'ie yang telah dikeluarkan atau dipotong daripada Daftar.

(2) Sesuatu permohonan bagi nama seseorang Peguam Syar'ie dimasukkan semula dalam Daftar hendaklah disokong dengan suatu *ikrar* yang disaksikan oleh 2 orang.

BAHAGIAN V

PERUNTUKAN-PERUNTUKAN AM

Pengemukakan Sijil Peguam Syar'ie dan Sijil Amalan Tahunan.

28. Setiap Peguam Syar'ie hendaklah mengemukakan Sijil Peguam Syar'ie dan Sijil Amalan Tahunan jika dikehendaki oleh mana-mana Mahkamah Syariah.

Sijil Amalan Tahunan.

29. Semua Sijil Amalan Tahunan hendaklah habis tempohnya pada 31 haribulan Disember setiap tahun dan semua permohonan untuk membaharuinya hendaklah dibuat tidak lewat daripada 1 haribulan November pada setiap tahun dengan menggunakan Borang D yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

Permohonan bagi mendapatkan Sijil Amalan Tahunan.

30. Tiada seorang Peguam Syar'ie boleh memohon mendapatkan sesuatu Sijil Amalan Tahunan melainkan jika —

(a) ia sedang menjalankan amalan atau bertujuan hendak menjalankan amalan di Negara Brunei Darussalam sama ada untuk dirinya sendiri atau secara berkongsi; atau

(b) ia bekerja atau kira-kira akan bekerja dalam menjalankan amalannya di Negara Brunei Darussalam dengan seseorang Peguam Syar'ie atau sesebuah firma Peguam Syar'ie yang sedang menjalankan amalan di Negara Brunei Darussalam,

dan dia pada lazimnya bermastautin di Negara Brunei Darussalam.

Sekatan.

31. Tiada seorang pun boleh menjalankan amalan sebagai Peguam Syar'ie atau melakukan apa-apa perbuatan sebagai Peguam Syar'ie melainkan jika namanya ada di dalam Daftar dan dia mempunyai Sijil Peguam Syar'ie dan Sijil Amalan Tahunan yang sah di bawah aturan 14.

Penerimaan masuk khas.

32. (1) Dengan tidak menghiraukan sebarang peruntukan yang berlawanan yang terkandung dalam Aturan-Aturan ini, Ketua Hakim Syar'ie boleh, bagi maksud mana-mana satu kes dan setelah bayaran penerimaan masuk khas yang disebutkan dalam Jadual Pertama dibayar, membenarkan seseorang untuk menjalankan amalan sebagai seorang Peguam Syar'ie kerana mempunyai kepakaran khas dan kelayakan bagi maksud kes itu.

(2) Bagi maksud-maksud aturan ini, aturan-aturan 11, 12 dan 13 hendaklah dikenakan dengan pengubahsuaian-pengubahsuaian yang perlu.

Kekecualian Khas.

33. Peguam Negara, Ketua Pendakwa Syar'ie, Pendakwa Syar'ie, Timbalan Pendakwa Raya dan mana-mana pegawai yang diberi kuasa untuk mewakili

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Kerajaan dalam mana-mana guaman atau dakwaan, adalah dianggap sebagai Peguam Syar'ie bagi maksud Perintah tersebut.

JADUAL PERTAMA

(aturan 14)

BAYARAN-BAYARAN

Pendaftaran bagi penerimaan masuk sebagai seorang Peguam Syar'ie dan Sijil Peguam Syar'ie —

(i) bagi rakyat Negara Brunei Darussalam	\$500
(ii) bagi bukan rakyat Negara Brunei Darussalam	\$1000
Penerimaan masuk khas	\$200
Sijil Amalan Tahunan atau pembaharuannya	\$1000

JADUAL KEDUA
BORANG-BORANG

BORANG A
(aturan 11(1))

Nombor Rujukan:

AKTA MAHKAMAH-MAHKAMAH SYARIAH
(PENGAL 184)

ATURAN-ATURAN MAHKAMAH-MAHKAMAH SYARIAH
(PEGUAM SYAR'IE), 2002

PERMOHONAN BAGI PENERIMAAN MASUK
SEBAGAI PEGUAM SYAR'IE

Kepada:

Pengerusi,

Jawatankuasa Peguam Syar'ie.

Dengan hormatnya saya memohon diterima masuk sebagai Peguam Syar'ie dan butir-butir diri saya adalah seperti berikut —

[Hendaklah diisikan oleh pemohon dengan huruf besar]

1. Nama:
2. Nama-nama lain (jika ada):
3. Jantina:
4. Tarikh lahir:
5. Tempat lahir:
6. Taraf perkahwinan:
7. Kerakyatan:
8. Bangsa:
9. Nombor kad pengenalan dan warna:

BORANG A – (sambungan)

10. Tempat dan tarikh kad pengenalan dikeluarkan:
11. Nombor pasport/kad pengenalan (mengikut yang mana berkenaan) dan tarikh mansuh:
12. Nama firma:
13. Nombor telefon: (R) (P) (M)
14. Alamat persuratan:
15. Mazhab:
16. Kelayakan/kelulusan:
17. Pengalaman:

Saya dengan ini mengaku bahawa segala keterangan yang tersebut di atas adalah benar.

Tarikh:

.....
Tandatangan pemohon

Peringatan:

Pemohon hendaklah melampirkan salinan-salinan sijil, pas kerja dan dokumen-dokumen lain yang berkaitan untuk menyokong permohonannya.

BAGI KEGUNAAN JAWATANKUASA SAHAJA

Tarikh diterima:

Keputusan Jawatankuasa:

Diluluskan:

Ditangguhkan/ditolak:

Sebab-sebab penangguhan/penolakan:

Tarikh pemohon diberitahu:

BORANG A – (sambungan)

Rujukan keputusan:

Tarikh bayaran pendaftaran dan sijil diterima:

Nombor resit:

Dihantar pada:

Dicatatkan dalam Daftar:

Nombor Siri:

Tandatangan:

Jawatan :

Tarikh: H

..... M

BORANG B
(aturan 14(1))

Nombor Siri:

AKTA MAHKAMAH-MAHKAMAH SYARIAH
(PENGGAL 184)

ATURAN-ATURAN MAHKAMAH-MAHKAMAH SYARIAH
(PEGUAM SYAR'IE), 2002

SIJIL PEGUAM SYAR'IE

Adalah dengan ini diperakui bahawa —

Nama:

Nombor siri pendaftaran:

Alamat:

yang telah mematuhi kehendak-kehendak Aturan-Aturan Mahkamah-Mahkamah Syariah (Peguam Syar'ie), 2002 telah didaftarkan sebagai seorang Peguam Syar'ie di bawah Akta Mahkamah-Mahkamah Syariah mulai dari H
..... M.

METERAI

Tarikh: H

..... M

.....
Ketua Hakim Syar'ie

BORANG C
(aturan 14(2))

Nombor Siri:

AKTA MAHKAMAH-MAHKAMAH SYARIAH
(PENGAL 184)

ATURAN-ATURAN MAHKAMAH-MAHKAMAH SYARIAH
(PEGUAM SYAR'IE), 2002

SIJIL AMALAN TAHUNAN

Saya dengan ini memperakui bahawa
..... telah membayar bayaran sebanyak
\$ bagi Sijil ini menurut Akta Mahkamah-Mahkamah Syariah, dan
dengan Sijil ini dia adalah bebas menjalankan amalan sebagai seorang Peguam
Syar'ie dalam Mahkamah-Mahkamah Syariah di Negara Brunei Darussalam, mulai
dari tarikh sijil ini dikeluarkan sehingga 31 haribulan Disember

Diperbuat dan ditandatangani oleh saya pada H

..... M

.....
Ketua Hakim Syar'ie

BORANG D

(aturan 29)

AKTA MAHKAMAH-MAHKAMAH SYARIAH

(PENGAL 184)

ATURAN-ATURAN MAHKAMAH-MAHKAMAH SYARIAH

(PEGUAM SYAR'IE), 2002

PERMOHONAN MEMPERBAHARUI SIJIL AMALAN TAHUNAN

Kepada:

Pengerusi,

Jawatankuasa Peguam Syar'ie.

Dengan hormatnya saya memohon untuk memperbaharui Sijil Amalan Tahunan yang telah mansuh pada 31 haribulan Disember

2. Keterangan mengenai diri saya adalah seperti berikut —

(a) Nama:

(b) Nombor kad pengenalan/pasport:

(c) Alamat:

(d) Nombor pendaftaran:

(e) Nombor Sijil yang telah mansuh:

3. Saya dengan ini memperakui bahawa saya tidak pernah diambil tindakan tatatertib di bawah Akta Mahkamah-Mahkamah Syariah.

4. Bersama-sama ini disertakan bayaran sebanyak \$

.....
Tandatangan pemohon

Tarikh: H

..... M

Diperbuat pada hari ini 8 haribulan Rabiulawal, Tahun Hijrah 1423 bersamaan dengan 21 haribulan Mei, 2002.

PEHIN DATU IMAM DATO PADUKA SERI SETIA
USTAZ HAJI AWANG ABDUL HAMID BIN BAKAL
Ketua Hakim Syar'ie,
Negara Brunei Darussalam.